

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Pengguna boleh bantu cegah produk kosmetik tak selamat

Kuala Lumpur: Laporan daripada pengguna mengenai masalah berkaitan produk kosmetik boleh membantu Kementerian Kesihatan (KKM) mencegah keberadaan produk tidak selamat di pasaran.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), Amrahi Buang, berkata sehubungan itu, orang ramai diminta mengemukakan aduan kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) di KKM sekiranya menghadapi masalah berkaitan produk kosmetik yang mempunyai notifikasi Kementerian itu.

Melalui aduan itu, katanya, KKM akan bertindak termasuk membuat pembatalan notifikasi produk kosmetik sekiranya ia disahkan mengandungi bahan kimia terlarang.

Apa yang menjadi isu, beliau berkata produk kosmetik sekarang tidak perlu didaftarkan seperti produk farmaseutikal, se-

baliknya sekadar memberikan notifikasi kepada NPRA sahaja.

"Ketika ia (peraturan itu) diwajibkan, proses pendaftarannya sangat ketat dengan pemeriksaan meliputi semua perkara dan memakan masa hingga berbulan-bulan bagi suatu produk baharu itu.

"Namun sekarang ini ia sudah dilonggarkan kerana ada persepakatan pada peringkat Asia Tenggara berikutan terdapat terlalu banyak produk. Jadi peraturan dilonggarkan, iaitu pemain industri hanya perlu *notify* (memaklumkan) sahaja," katanya kepada *BH*.

Beliau berkata demikian mengulas laporan muka depan *BH* semalam mengenai kosmetik beracun yang merosakkan buah pinggang, saraf serta berisiko menyebabkan kanser kulit.

Ia susulan pendedaharan Peratuan Pengguna Pulau Pinang

(CAP) mengenai banyak produk bayi dan kosmetik dikesan mengandungi bahan kimia pengganggu endokrin (EDC) berikutan hasil ujian dilakukan ke atasnya.

Ujian dilakukan di Korea Selatan itu mendapati 15 daripada 32 sampel produk terdiri cucian tangan, pencuci badan, ubat gigi, deodoran, cecair kumur, cecair pencuci untuk wanita dan tisu bayi didapati mempunyai label bahan yang salah.

Ujian sama juga mendapati Malaysia dari lapan negara

yang mengambil bahagian, mempunyai peratusan tertinggi bagi label bahan yang tidak betul iaitu 53.6 peratus daripada sampel yang dihantar.

Amrahi berkata, produk kosmetik negara ini sememangnya mempunyai peraturan yang perlu dipatuhi pemain industri kerana ia tertakluk dalam garis panduan dan regulatori.

Bagi mengetahui sama produk tertentu didaftarkan, dibatalkan atau tiada langsung data mengenainya, orang ramai boleh melakukan semakan di la-

man web NPRA.

"Penting bagi masyarakat untuk celik dan tidak bersikap membabi buta dengan berusaha melakukan pencarian maklumat mengenai produk digunakan kerana kulit setiap orang berbeza.

"Pada masa sama, pengusaha kosmetik perlu lebih beretika kerana ia membabitkan keselamatan pengguna dan bertanggungjawab, kerana pengguna yang mengalami kerosakan kulit perlu menanggung kecacatan kekal," katanya.



Amrahi Buang



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

DBKL keluar 79 kompaun, tutup 3 premis kotor

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengeluarkan 79 kompaun dan mengarahkan tiga premis makanan di ibu kota ditutup selepas tahap kebersihan masing-masing termasuk petugas serta persekitaran didapati tidak memuaskan dan melanggar undang-undang.

DBKL dalam kenyataannya, berkata Operasi Sepadu Bersih itu membabitkan pemeriksaan ke atas 93 premis perniagaan di sekitar The Garden Mall (Parlimen Lembah Pantai), Jalan Jalil Perkasa (Parlimen Seputeh), Jalan Manis 3, Taman Segar (Parlimen Cheras), Jalan Leboh Ampang dan Jalan Tengkat Tong Shin (Parlimen Bukit Bintang), Taman Sri Sinar dan 1 Mont Kiara (Parlimen Segambut).

Bagaimanapun katanya, ketika pemeriksaan dijalankan, 34 premis didapati ditutup atau tidak beroperasi, menyebabkan


hanya 59 premis diperiksa.

"Berdasarkan pemeriksaan, tiga premis dikenakan tindakan arahan penutupan mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) 28(1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016.

"Selain itu, 79 kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah UUK Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016, UUK Pengendali Makanan 1979 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976," kata DBKL menerusi perkongsian di Facebook kelmarin.

DBKL berkata, pelbagai kesalahan bersabit aspek kebersihan, petugas serta persekitaran premis dikenakan tindakan.

"DBKL akan meneruskan tindakan seumpama ini dari semasa ke semasa bagi memastikan pengusaha premis makanan mematuhi kehendak kesihatan yang telah ditetapkan," katanya.



DBKL mengeluarkan 79 kompaun dan mengarahkan tiga premis makanan ditutup.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : BISNES

KPJ Healthcare, Mayo Clinic meterai kerjasama

Petaling Jaya: KPJ Healthcare Berhad (KPJ Healthcare), penyedia penjagaan kesihatan swasta terbesar di Malaysia meterai kerjasama strategik dengan Mayo Clinic melalui dua hospital pakar, KPJ Damansara Specialist Hospital (KPJ DSH) dan Damansara Specialist Hospital 2 (DSH2).

Penyertaan itu juga menjadikan KPJ Healthcare sebagai rangkaian hospital pertama dan satu-satunya di Malaysia disenaraikan sebagai ahli Mayo Clinic Care Network.

Presiden dan Pengarah Urusan KPJ Healthcare, Chin Keat Chyuan berkata, kerjasama itu bagi memacu kecemerlangan perubatan dan inovasi penjagaan pesakit, sekali gus menetapkan piawaian baharu dalam landskap sektor penjagaan kesihatan di negara ini.

"Pencapaian ini satu anjakan besar bagi kami dalam menerajui kecemerlangan perubatan kerana kami sentiasa berusaha meneroka pendekatan inovatif demi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pesakit.

"KPJ Healthcare berhasrat untuk memanfaatkan pengalaman, sumber dan amalan terbaik Mayo Clinic dalam meningkatkan kepakaran dan kemahiran pengamal perubatan kami sendiri.

"Kami yakin bahawa strategi ini bukan sahaja hanya akan meningkatkan hasil dan kualiti rawatan pesakit seiring dengan slogan *Care for Life* kami, bahkan turut menyumbang kepada pembangunan negara," katanya dalam kenyataan.

**KPJ Healthcare
berhasrat manfaat
pengalaman, sumber
dan amalan terbaik
Mayo Clinic**

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : K2

DEMAM denggi boleh membawa maut.
- GAMBAR HIASAN

NYAMUK Aedes merupakan vektor penyakit demam denggi.



Peranti inovatif 'lawan' denggi



Rencana Utama

Oleh FARID AHMAD TARMJI

“A PA yang saya rasa ketika itu seperti ajal sudah tiba untuk menjemput. “Sakit yang dirasakan sukar untuk diungkapkan kerana seluruh anggota badan dari atas ke bawah semuanya berdenyut,” ungkap seorang lelaki yang hanya mahu dikenali sebagai Zamri. Itulah yang dirasakannya apabila disahkan menghidap denggi berdarah baru-baru ini.

Menurutnya, tiga hari sebelum itu, dia mengalami simptom seperti demam, muntah, cirit-birit dan sukar tidur terutama pada waktu malam.

Malah, dia pernah 'tidur' duduk di dalam tandas kerana mudah untuk buang air besar akibat cirit-birit dialami.

“Tiga hari menahan sakit, barulah saya ada kekuatan untuk melakukan pemeriksaan di sebuah hospital swasta bagi mengesan penyakit apa yang ‘menumpang’ dalam badan.

“Doktor beritahu darah saya ada masalah dan disahkan hidap denggi berdarah dengan bacaan platelet darah hanya 13 dan selepas jatuh kepada empat, terus saya dirujuk ke Hospital Kuala Lumpur dan dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU) untuk rawatan selanjutnya,” jelasnya kepada K2.

Zamri, 33, tidak tahu bagaimana boleh mendapat penyakit itu, namun apa yang pasti ketika itu di kawasan perumahannya juga berlaku kes denggi dalam kalangan penduduk setempat.


Dalam pada itu, denggi merupakan penyakit berjangkit virus yang disebarkan oleh nyamuk Aedes.

Denggi merupakan ancaman serius terhadap kesihatan awam di pelbagai kawasan tropika dan subtropika di seluruh dunia.

Malaysia sendiri tidak terlepas daripada masalah itu dan kejadian demam denggi juga telah meningkat



AZREE menunjukkan peranti Mosquito Buster yang diciptanya.



JARAK optimum dikesan melalui simulasi.

sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Malah, banyak tempat telah menjadi hotspot atau kawasan panas untuk denggi.

Dalam perkembangan terbaharu, kes

denggi dilaporkan meningkat di negara ini bagi minggu kelima tahun 2024. Jumlah kes demam denggi meningkat kepada 3,969 kes berbanding 3,781 kes pada minggu sebelumnya.

Oleh itu, penyelesaian inovatif bagi menangani penyebaran denggi ini secara berkesan amat diperlukan.


Universiti Tenaga Nasional (Uniten) di Bangi, Selangor telah mempraktikkan satu kaedah inovatif 'melawan' denggi dengan menggunakan peranti ciptaan universiti itu dinamakan Mosquito Buster.

Kaedah ini memanfaatkan teknologi canggih dan inovatif bertujuan membasmi denggi dan mencegah berkembangnya nyamuk Aedes, vektor utama bagi penyakit denggi.

Peranti itu telah dibangunkan oleh Prof. Madya Dr. Mohd. Azree Idris



WAP yang terhasil akan keluar melalui cerobong ke udara untuk mengusir Aedes.



PERANTI dilengkapi komponen-komponen yang membolehkan wap terhasil bagi mengusir nyamuk Aedes.

yang bertugas di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Uniten.

Menurut, Mohd. Azree, peranti Mosquito Buster merupakan alat pengawalan nyamuk Aedes yang dicipta oleh Uniten.

“Ia adalah alat yang direka khas

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : K2

untuk mengatasi masalah denggi secara efisien dan fungsinya adalah untuk mengusir nyamuk serta menjauhkannya daripada kawasan manusia.

Berbentuk gabungan bongkah dan silinder besi dengan berat 30 kilogram (kg) dan lebar satu meter persegi, ia diletakkan di luar bangunan.

"Di dalam alat ini terdapat mesin yang memancarkan bahan cecair pengusir nyamuk iaitu 'repellent' melalui kaedah usiran wap.

"Bahan cecair pengusir yang digunakan telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," katanya.

Tambahnya, peranti ini mempunyai keupayaan menyebarkan bahan 'repellent' dalam bentuk wap sekali gus memberikan perlindungan kepada penghuni kelompok dalam radius 25 meter.

Semburan dari alat ini bertindak sebagai benteng untuk menghalang nyamuk daripada memasuki kawasan tersebut.

Alat ini berfungsi secara automatik menyebarkan 'repellent' dalam bentuk wap ketika waktu aktif nyamuk Aedes di antara pukul 5 pagi hingga 7 pagi dan 5 petang hingga 7 malam setiap hari.

Mengulas lanjut, Mohd. Azree berkata, pemasangan pertama Mosquito Buster di Uniten telah bermula pada tahun 2016.

Terangnya, sebelum itu, Uniten disenaraikan sebagai kawasan panas denggi oleh KKM.

"Timbalan Naib Canselor pada waktu itu menyasarkan para penyelidik untuk mencipta alat yang dapat mengeluarkan unguis daripada senarai kawasan panas denggi.

"Dalam masa yang sama saya memimpin projek menghalau hama putih di ladang Uniten dan secara tidak sengaja inovasi ini turut menghalau nyamuk," jelasnya.

Tambahnya, di situlah tercetus idea untuk menghasilkan Mosquito Buster.

Kemudian sebanyak 18 unit telah dipasang di empat kelompok asrama penginapan pelajar yang berlainan.

Keputusan untuk menggunakan Mosquito Buster di Uniten telah menunjukkan kejayaan yang memberangsangkan.

Hanya dalam masa dua minggu selepas pemasangan peranti di asrama penginapan pelajar, Uniten berjaya keluar dari senarai kawasan denggi oleh KKM.

Sejak itu, tiada lagi kes denggi dilaporkan di asrama penginapan pelajar sehingga kini.

Dalam pada itu, pelbagai kejayaan telah diraih melalui inovasi Mosquito Buster, antaranya *Best Environment Award* (Emas) dalam Pertandingan Rekapipta dan Inovasi Institut Pengajian Tinggi Swasta 2016 (PERINTIS) dan Anugerah ITEX (Emas) oleh Malaysian Invention & Design Society (MINDS) pada 2017.

Malah, Mosquito Buster juga memperoleh hak cipta 'A Method of Controlling Dengue Through Vapor Dispersion of Mosquito Repellents and Method of the Same' pada tahun 2016.

Sementara itu, inovasi Mosquito Buster ini dilihat merupakan satu kaedah terbaik dalam menangani masalah denggi dan mewujudkan persekitaran yang selamat dan sihat



MOHD. AZREE (kiri) bersama staf Uniten bergambar bersama inovasi Mosquito Buster yang diletakkan di salah satu lokasi universiti tersebut.

INFO

Mosquito Buster

- Merupakan alat pengawalan nyamuk denggi yang dicipta oleh Uniten
- Alat ini menggunakan mesin yang memancarkan bahan cecair pengusir nyamuk iaitu 'repellent' melalui kaedah usiran wap
- Dengan berat 30 kilogram (kg) dan lebar satu meter persegi, Mosquito Buster dipasang di luar bangunan

bagi komuniti setempat.

Mohd. Azree berkata, pihaknya sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak yang ingin memasang peranti itu terutamanya di kawasan panas demam denggi.

"Sebagai contoh, kita sedia bekerjasama dengan mana-mana yayasan yang ingin menaja pemasangan peranti ini di sesuatu kawasan.

"Selain itu, pemaju perumahan yang ingin membangunkan rumah juga boleh

terus memasang peranti ini sebagai satu langkah pencegahan untuk masalah denggi pada masa akan datang," terangnya.

Dalam masa yang sama, Mohd. Azree berkata, usaha untuk menambak baik Mosquito Buster tidak terhenti di situ sahaja, malah mereka sentiasa menjalankan kajian dari semasa ke semasa.

Menurutnya, kini mereka juga sedang mengkaji penggunaan kecerdasan buatan (AI) untuk peranti itu.

"Ketika ini kita akan menetapkan bila peranti ini akan berfungsi secara automatik mengikut waktu yang telah ditetapkan.

"Tetapi melalui AI, peranti ini akan terus berfungsi apabila ia mengesan ada nyamuk yang masuk pada bila-bila masa.

"Kita akan meletakkan sensor di tempat-tempat tertentu dan yang kemudian AI akan membaca data bagi membolehkan peranti terus berfungsi," terangnya.



DR. AARON

Rawatan segera kurangkan risiko komplikasi

SEJAK sekian lama, denggi menjadi satu masalah berterusan yang dihadapi oleh masyarakat negara ini.

Malah, kes denggi di Malaysia juga semakin menunjukkan peningkatan.

Pakar Perubatan Kecemasan dari Pusat Perubatan Sunway, Dr. Aaron Lai Kuo Huo berkata, amat penting pengesanan awal jangkitan denggi bagi memudahkan rawatan segera dan kurangkan risiko komplikasi.

Menurutnya, berdasarkan Panduan Amalan Klinikal Kementerian Kesihatan (KKM) mengenai pengurusan jangkitan denggi, antara tanda amaran yang perlu diperhatikan dan dipantau rapi adalah sakit perut, muntah berterusan melebihi tiga kali sehari, cirit-birit berterusan melebihi tiga kali sehari, mengantuk, sukar bernafas, gusi atau hidung berdarah, serta najis berwarna hitam.

"Pesakit perlu segera dapatkan rawatan perubatan di jabatan kecemasan atau klinik pengamal am (GP) bergantung kepada tahap keterukan dan kebolehpakaian.

"Bagaimanapun, jika alami sebarang gejala atau tanda amaran yang teruk, atau pesakit tergolong kumpulan berisiko dijangkiti denggi, mereka harus mengutamakan rawatan perubatan di jabatan kecemasan di hospital," katanya.

Dalam pada itu, gejala utama demam denggi lain ialah sakit kepala sakit badan, ruam dan sakit di belakang mata.

Walaupun simptom ini mungkin menyamai penyakit biasa seperti selesema, Dr. Aaron berkata, kebiasaannya pesakit denggi turut alami sakit otot dan sendi yang lebih teruk, serta boleh menyebabkan komplikasi lebih kronik seperti demam denggi berdarah (DHF) atau sindrom kejutan denggi (DSS).

"Ciri-ciri DHF dan DSS ialah pendarahan dalaman teruk, kiraan platelet rendah, kebocoran plasma dan kerosakan organ," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NASIONAL

KPJ Healthcare capai piawaian baharu penjagaan kesihatan

Akses penuh,
kongsi kepakaran
bersama Mayo Clinic

Oleh MUHAMMAD SHAMSUL
ABD GHANI
KUALA LUMPUR

KPJ Healthcare Berhad (KPJ Healthcare) telah menandatangani kerjasama strategik dengan Mayo Clinic sekali gus menjadi peneraju penetapan piawaian baharu industri penjagaan kesihatan di negara ini.

Sebagai peneraju penjagaan kesihatan swasta Malaysia, usaha KPJ Healthcare itu turut memberikan manfaat besar kepada peningkatan kepakaran serta inovasi penjagaan pesakit selain merupakan rangkaian hospital pertama di Malaysia yang disenaraikan sebagai ahli Mayo Clinic Care Network.

Menurut Pengarah Urusan KPJ Healthcare, Chin Keat Chyuan, kerjasama tersebut sekali gus memperlihatkan komitmen KPJ Healthcare dalam memanfaatkan kepakaran global untuk perkembangan dan kualiti sektor penjagaan kesihatan tempatan.

"Pencapaian (kerjasama) ini juga merupakan anjakan besar kepada kecemerlangan sektor perkhidmatan perubatan kerana kami (KPJ Healthcare) sentiasa berusaha meneroka pendekatan inovatif demi memberikan perkhidmatan terbaik," katanya pada majlis pelancaran kerjasama KPJ Healthcare dan Mayo Clinic di Damansara Specialist Hospital 2 (DSH2) di sini pada Jumaat.



"Pencapaian (kerjasama) ini juga merupakan anjakan besar kepada kecemerlangan sektor perkhidmatan perubatan kerana kami (KPJ Healthcare) sentiasa berusaha meneroka pendekatan inovatif demi memberikan perkhidmatan terbaik."

- CHIN



Dr Dzulkefly (tengah), Chin Keat Chyuan (dua dari kiri), Dr Stacey (dua dari kanan), Syed Mohamed (kiri) dan Md Arif bersama-sama menunjukkan plakard kerjasama di antara KPJ Healthcare dan Mayo Clinic.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan disaksikan Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation (JCorp), Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim; Pengarah Perubatan Eksekutif (Bahagian Amalan Antarabangsa dan Asia Pasifik) Mayo Clinic, Dr Stacey Rizza dan Pengerusi KPJ Healthcare, Datuk Md Arif Mahmood.

Akses penuh

Menerusi kerjasama strategik itu, ia membolehkan KPJ Healthcare menerusi Hospital Pakar KPJ Damansara (KPJ DSH) dan DSH2 memperoleh akses penuh sumber klinikal dan perkhidmatan Mayo Clinic yang berteknologi tinggi.

Akses perkhidmatan tersebut meliputi



DR STACEY

AskMayoExpert, eBoards dan Health Care Consulting yang mana ia memberi impak besar kepada peningkatan kualiti penjagaan kesihatan yang ditawarkan di KPJ DSH dan DSH2.

Selain itu, para pengamal perubatan profesional di KPJ DSH dan DSH2 turut berpeluang mendapatkan bahan rujukan berkaitan pesakit di Mayo Clinic

selain terlibat dalam pembangunan profesional, pendidikan perubatan berterusan sekali gus meningkatkan kualiti penjagaan serta perkhidmatan.

Sebagai ahli bebas dalam Mayo Clinic Care Network yang mempunyai lebih daripada 45 ahli yang terdiri organisasi perkhidmatan kesihatan yang berpangkalan di Amerika Syarikat, Asia, India, Mexico dan Asia Barat, KPJ Healthcare bukan sahaja bergerak selangkah ke hadapan untuk organisasinya semata-mata, tetapi untuk keseluruhan masyarakat Malaysia yang akan mendapat manfaat daripadanya.

Impak signifikan

Dalam pada itu, Dr Stacey menyifatkan pemeteraian kerjasama itu akan memberi impak yang signifikan terhadap dunia perubatan di samping memacu transformasi kedua-dua pihak.

Malah, pihaknya turut meraikan keahlian

AskMayoExpert

- Sistem komprehensif maklumat klinikal tentang pelbagai kondisi perubatan meliputi protokol, cadangan rawatan dan rujukan perubatan.
- Pangkalan data boleh diakses pada setiap masa untuk semua jenis perkhidmatan penjagaan kesihatan.

eBoards

- Persidangan video interaktif secara langsung membolehkan pasukan perubatan di KPJ DSH dan DSH2 untuk membuat semakan dan perbincangan kes-kes kompleks dengan pakar perubatan dari Mayo Clinic.

Health Care Consulting

- KPJ DSH dan DSH2 mempunyai akses kepada pengalaman, pengetahuan dan kepakaran Mayo Clinic untuk mencapai objektif klinikal, operasi dan matlamat perniagaan.

baharu KPJ Healthcare menerusi KPJ DSH dan DSH2 dalam Mayo Clinic Care Network yang menjadi permulaan kepada perkongsian komitmen menyediakan penjagaan kesihatan berkualiti kepada para pesakit.

"Organisasi kami turut berkongsi komitmen yang sama dalam memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti yang memberi tumpuan khusus kepada setiap pesakit.

"Kami tidak sabar untuk bekerjasama dengan KPJ Healthcare dalam memperkasakan perkhidmatan penjagaan kesihatan," jelas Dr Stacey.

Sokongan

Sementara itu, bagi Dr Dzulkefly, kerajaan sentiasa menyokong serta menggalakkan organisasi penjagaan kesihatan swasta di negara ini bersama-sama berusaha menjadi pemangkin inovasi bidang perubatan di samping merintis paradigma baharu.

Mengulas lanjut mengenai kerjasama strategik di antara KPJ Healthcare dengan Mayo Clinic, beliau menegaskan kolaborasi itu mampu melonjakkan prestasi serta perspektif baharu perubatan di Malaysia.

"Ini membolehkan KPJ Healthcare merintis paradigma baharu dalam penjagaan pesakit, penyelidikan perubatan, dan penyampaian penjagaan kesihatan.

"Selain mempertingkatkan keadaan perubatan sedia ada ia juga akan membawa kepada penyelesaian baru dalam mendepani perkembangan keperluan penjagaan kesihatan negara kita," ujarnya.



Dr Dzulkefly (duduk, tengah) bergambar bersama pengurusan tertinggi KPJ Healthcare, Mayo Clinic di DSH2 pada Jumaat.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION / NEWS

COST-CUTTING MEASURES

IJN discharging civil servants, pensioners: Clarification soon

LUQMAN HAKIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE authorities will soon issue a clarification with regard to a letter published in a health news portal that the National Heart Institute (IJN) is discharging all civil servants and pensioners due to the government's cost-cutting measures.

Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, when contacted, only said the Health Ministry will shed light on the matter soon.

"The ministry, (or) health minister (Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad) will respond soon. It won't be long," he told the *New Straits Times*.

This follows a letter published

by the portal in which an unnamed government pensioner claimed that he was discharged after receiving extensive care at IJN.

The pensioner said he had been told by IJN doctors that the ministry had issued a directive that all civil servants and pensioners should be discharged to the Health Ministry's cardiac centre nearest to their homes.

"I protested that my problem was highly complicated.

"The senior IJN cardiologist agreed with me. But I was told that their hands were tied as the government was cutting costs.

"I also found out that my predicament is shared by other pensioners and civil servants all over the country, these past months.

"So, with a sinking heart, I re-

turned home and arranged to see the doctors at the ministry's cardiac centre near my home. This was not easy as I had to make an appointment and the clinic was busy," he said.

He said after over two months, he managed to see a doctor with concerns that he could run out of medication soon.

Alarms were also raised when the cardiac centre that the pensioner went to stated that they did not have the expertise to handle his case and the limited number of drugs.

"The cardiologist then said that he would write a new referral for me to go back to IJN, and that I would have to make an appointment with IJN as a new patient and hopefully get back the same senior cardiologist.

"This would be another hassle

and possibly two to three months of waiting, or longer."

The pensioner expressed his disappointment as a former civil servant who served for 35 years after going through such a predicament.

Meanwhile, an IJN spokesman, when contacted, referred the NST to a statement the institute issued in September last year saying that the Public Service Department required a referral from the government, private hospitals or clinics for treatments at IJN.

After 12 months of treatment, procedure or surgery, the September statement said, patients were expected to be discharged back to the referring hospital.

"This is done when the patient requires continuous follow-up



Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan

treatment and management.

"IJN strictly adheres to this guideline regulated by Health Ministry.

"IJN remains committed to providing excellent healthcare to government employees and retirees," it said.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

Keep mental healthcare up to date

Ensure psychiatric nursing homes meet current standards, govt urged

By WANI MUTHIAH
wani@thestar.com.my

KLANG: The Health Ministry has been urged to review private psychiatric nursing homes and centres in the country to ensure they are regulated and keep up with global changes as well as standards in psychiatric care.

Malaysian Mental Health Association (MMHA) president Datuk Dr Andrew Mohanraj said there is a need for these homes to be relooked and re-examined by the Health Ministry.

He said MMHA has received many complaints of abuse as well as other unsavoury incidents taking place in these homes.

"Psychiatric nursing homes and centres that do not comply

with provisions enshrined in the Mental Health Act may have to be shut down," he said.

Dr Andrew said the MMHA hopes the Health Ministry will impose on these facilities the same prerequisites used on other healthcare service providers such as dialysis centres.

"In the past, just about anyone who had the money could set up a dialysis centre, but now anyone wanting to open up such a place needs to have a nephrologist (kidney specialist) on board.

"They do not need to be there 24 hours but they will be the ones responsible and accountable for the dialysis centre," said Dr Andrew, who is also Selangor Mental Health Association president.

He added that the Health Ministry must make the presence of a psychiatrist compulsory at all psychiatric care and nursing homes.

"The psychiatrist will be the person responsible and accountable for the running of the home or centre and will be the one answerable to the authorities if something untoward occurs," he said.

Dr Andrew also said all private care facilities must act in tandem with the paradigm shift happening globally with regards to mental healthcare.

He said the conventional institutionalised method of treating people living with mental health issues has become passe.

"It is also happening in Malaysia

with our main psychiatric care facilities such as Hospital Permai in Johor and Hospital Bahagia in Perak reducing the intake for institutionalised care.

"And the government has set up psychiatric units in regular government hospitals to normalise mental healthcare and make it easily available," he said.

Dr Andrew said since the government is doing away with the conventional institutionalised care for psychiatric patients, all private mental healthcare centres and nursing homes must follow suit.

"It is not appropriate for these private entities to duplicate institutionalised care by having cell-like structures as well as grilles to restrict movement.

"With the current de-escalation techniques and very safe medication, psychiatric patients must be treated with family and community involvement and not in isolation," he added.

To achieve this, he said, private psychiatric nursing homes and centres must be made to have a board of visitors, just like hospitals, consisting of neighbourhood members.

He said this would ensure that private establishments are monitored and that community members will be given a chance to participate in caring for residents in a holistic manner.

"Community and family involvement together with updated medication and techniques are the way forward," he added.